



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 1997

**BAYARAN LEBIH MASA BAGI ANGGOTA YANG DILULUSKAN
ELAUN PENANGGUNGAN KERJA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai Bayaran Lebih Masa bagi anggota yang diluluskan Elaun Penanggunan Kerja.


PELAKSANAAN

Syarat

2. Anggota yang sedang menerima Elaun Penanggunan Kerja adalah layak diberi Bayaran Lebih Masa jika memenuhi syarat berikut -

- 2.1 para B24 Lampiran D6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991;
- 2.2 anggota yang diarah pada sesuatu hari berkenaan bertugas melebihi dua (2) jam di luar waktu bekerja biasa pejabat atau waktu bekerja biasa bukan pejabat (pusingan/giliran kerja); dan

Contoh -



- 2.3 Perkiraan Bayaran Lebih Masa hendaklah berasaskan gaji jawatan hakiki anggota.

Contoh - pegawai N6 bergaji RM1004 (PIT6) sebulan menanggung jawatan N5 bergaji RM1843 (PIT5) sebulan. Oleh itu, Bayaran Lebih Masa hendaklah berasaskan gaji jawatan hakiki pegawai N6 bergaji RM1004 (PIT6) sebulan.

Kaedah Perkiraan

3. Kaedah perkiraan Bayaran Lebih Masa bagi anggota yang diarah bertugas melebihi dua (2) jam di luar waktu bekerja biasa pejabat atau waktu bekerja bukan pejabat (pusingan/giliran kerja) adalah seperti di **Lampiran A**.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Disember 1997.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

5 Disember 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

1. Waktu Bekerja Pejabat - Hari Bekerja Penuh

Formula: Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $a - (b + c)$

a = Jumlah waktu bekerja pada hari bekerja penuh

b = Jumlah waktu bekerja biasa pejabat dalam sehari ialah 8 jam 15 minit

c = Jumlah waktu bekerja yang dibayar Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) dalam sehari ialah $8 \text{ jam} \times \frac{1}{4} = 2 \text{ jam}$

Contoh -

Formula: Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $a - (b + c)$

a = 14 jam 15 minit

b = 8 jam 15 minit

c = 2 jam

Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = 14 jam 15 minit - (8 jam 15 minit + 2 jam)

= 14 jam 15 minit - 10 jam 15 minit

= **4 jam**

2. Waktu Bekerja Pejabat - Hari Bekerja Separuh

Formula : Jumlah masa yang layak = $a - (b + c)$
dituntut Bayaran
Lebih Masa

a = Jumlah waktu bekerja pada hari
bekerja separuh

b = Jumlah waktu bekerja biasa
pejabat dalam sehari ialah
4 jam 45 minit

c = Jumlah waktu bekerja yang
dibayar Elaun Penanggungungan Kerja
(EPK) dalam sehari ialah $8 \text{ jam} \times \frac{1}{4} =$
2 jam

Contoh -

Formula: Jumlah masa yang layak = $a - (b + c)$
dituntut Bayaran Lebih Masa

a = 12 jam

b = 4 jam 45 minit

c = 2 jam

Jumlah masa yang layak = 12 jam - (4jam 45 minit)
dituntut Bayaran + 2 jam)
Lebih Masa

= 12 jam - 6 jam 45 minit

= **5 jam 15 minit**

3. **Waktu Bekerja Bukan Pejabat (pusingan/giliran kerja) - Hari Bekerja Penuh**

Formula: Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $a - (b + c)$

a = Jumlah waktu bekerja pada hari bekerja penuh

b = Jumlah waktu bekerja biasa pejabat (pusingan/giliran kerja) dalam sehari ialah 8 jam

c = Jumlah waktu bekerja yang dibayar Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) dalam sehari ialah $8 \text{ jam} \times \frac{1}{4} = 2 \text{ jam}$

Contoh -

Formula: Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $a - (b + c)$

a = 16 jam

b = 8 jam

c = 2 jam

Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $16 \text{ jam} - (8 \text{ jam} + 2 \text{ jam})$

= $16 \text{ jam} - 10 \text{ jam}$

= **6 jam**

4. **Waktu Bekerja Bukan Pejabat (Pusingan/giliran kerja) - Hari Bekerja Separuh**

Formula: Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $a - (b + c)$

a = Jumlah waktu bekerja pada hari bekerja separuh

b = Jumlah waktu bekerja biasa pejabat (pusingan/giliran kerja) dalam sehari ialah 6 jam

c = Jumlah waktu bekerja yang dibayar Elaun Penangguhan Kerja (EPK) dalam sehari ialah $8 \text{ jam} \times \frac{1}{4} = 2 \text{ jam}$

Contoh -

Formula: Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $a - (b + c)$

a = 12 jam

b = 6 jam

c = 2 jam

Jumlah masa yang layak dituntut Bayaran Lebih Masa = $12 \text{ jam} - (6 \text{ jam} + 2 \text{ jam})$

= $12 \text{ jam} - 8 \text{ jam}$

= **4 jam**